

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Tuesday, January 21, 2020 12:51 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Lawatan MPUUM Ke Maghribi Bantu Promosi Program Akademik



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

21 JANUARI 2020 / 25 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Dr. Che Su Mustaffa  
Gambar oleh: Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim

### LAWATAN MPUUM KE MAGHRIBI BANTU PROMOSI PROGRAM AKADEMIK



**UUM ONLINE:** Maghribi – Lawatan Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia (MPUUM) ke Maghribi bukan sahaja membuka lembaran baru dalam jaringan kerjasama, malah membantu dalam mempromosikan program akademik UUM ke negara tersebut.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, lawatan ini membuka peluang kerjasama yang banyak dalam pelbagai bidang antara UUM dan Maghribi serta Mauritania termasuk melibatkan kursus-kursus jangka pendek dalam bidang yang diterajui oleh UUM.

Menurutnya, UUM perlu menjadi lebih kompetitif dalam penawaran program akademik untuk menarik pelajar dari Maghribi memandangkan pendidikan di Maghribi adalah percuma.

Sementara itu, Prof. Dr. Suhaidi Hassan selaku ketua delegasi turut berpendapat bahawa UUM harus mengambil peluang dari aspek pendidikan percuma yang ditawarkan oleh

kerajaan Maghribi dengan menghantar pelajar Malaysia ke negara itu untuk melanjutkan pengajian.

Lawatan akademik MPUUM itu turut diraikan Duta Besar Malaysia ke Maghribi, Tuan Yang Terutama Datuk Astanah Banu Shri Abdul Aziz.

Datuk Astanah berkata, peluang UUM untuk menjalin kerjasama dengan Kedutaan Malaysia di Maghribi amat dialu-alukan, malah beliau menyarankan agar UUM dapat menjalinkan kerjasama dengan universiti awam lain untuk mempromosikan program akademik di Maghribi.

“Terdapat pasaran untuk program akademik yang ditawarkan oleh UUM di Maghribi tetapi perlu mengambil kira kekangan dari aspek bahasa pengantar dan perbezaan sistem pendidikan yang diamalkan antara kedua negara.

“Sistem pendidikan di Maghribi menggunakan Bahasa Perancis sebagai bahasa pengantar, namun peluang ini sentiasa terbuka luas kepada pihak institusi pengajian tinggi di Malaysia kerana kini Maghribi mulai beralih arah kepada kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris,” katanya.

Delegasi UUM terdiri 23 profesor turut mengadakan lawatan ke Sepanyol bagi melihat peninggalan sejarah kerajaan Islam di Cordoba dan Granada.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.